



**KENYATAAN MEDIA  
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI MALAYSIA  
DI MESYUARAT MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB)**

**13 JANUARI 2015 (SELASA), 4.30 PETANG  
DEWAN JAMUAN, ARAS 3, BLOK UTAMA,  
BANGUNAN PERDANA PUTRA, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

**Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin;**  
Timbalan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,  
Ahli-ahli Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB),  
Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera hari ini membuka tirainya untuk tahun 2015 dengan beberapa agenda yang melibatkan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera. Saya dengan ini ingin memaklumkan bahawa berikut adalah keputusan-

keputusan yang berjaya dicapai di dalam mesyuarat MEB sebentar tadi:

- I. Peruntukkan dana permulaan sebanyak RM50 juta kepada Yayasan Waqaf Malaysia untuk melancarkan program-program peningkatan ekonomi dan pembudayaan wakaf bagi tahun 2015 hingga 2019;
- II. Peruntukan RM15 juta oleh TERAJU kepada Jawatankuasa Khas Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) negeri Sabah untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti dan pembiayaan keusahawanan bagi tahun 2015;
- III. Peruntukkan geran sebanyak RM13 juta kepada 26 orang pemenang Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) bagi Siri Ketiga dan Keempat tahun 2014.

#### **Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB)**

2. Lebih kurang setahun program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dilancarkan bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat *startup* serta usahawan muda Bumiputera membawa idea perniagaan mereka yang kreatif dan inovatif berkembang ke peringkat yang lebih tinggi. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi program SUPERB ini yang bakal menghasilkan seramai 200 hingga 300 usahawan Bumiputera baharu dalam tempoh 3 tahun.

3. Menyedari kepentingan bidang keusahawanan ini, TERAJU juga telah berkolaborasi dengan beberapa agensi kerajaan dan NGO yang lain bagi memastikan bantuan sokongan diselaraskan bersama untuk memaksimakan penyertaan usahawan Bumiputera.
4. Terbaru, SUPERB telah berkerjasama dengan New Entrepreneurs Foundation (MyNEF) untuk menubuhkan program SUPERBXCEL. Program ini dicipta bagi melengkapi SUPERB dan mengoptimumkan manfaat kepada usahawan Bumiputera. SUPERBXCEL memberi tumpuan kepada usahawan-usahawan Bumiputera yang tidak melepas saringan bagi program SUPERB. Setakat ini seramai hampir 100 orang peserta telah menyertai SUPERBXCEL dan menerima manfaat dari latihan yang disediakan. Sebentar lagi, kita akan menyaksikan pertukaran Perjanjian Kolaborasi di antara MyNEF dan TERAJU.
5. TERAJU juga telah memeterai kerjasama dengan Pusat Inovasi Global dan Kreativiti Malaysia (MaGIC) dan menghantar 9 pemenang SUPERB ke University Stanford, California pada November tahun lalu melalui program e@Stanford. Kerjasama melalui program ini merupakan peluang yang amat berharga bagi usahawan muda Bumiputera kita kerana mereka berpeluang untuk menimba ilmu dan mendalami inovasi di Universiti Standford, salah satu institusi terkemuka dalam bidang keusahawanan. Sepanjang berada di California, saya difahamkan, usahawan terpilih ini juga telah berpeluang untuk membina '*networking*' dengan beberapa syarikat startup terkemuka di Silicon Valley.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Pada tahun pertama, SUPERB telah menerima seramai lebih 4,000 penyertaan usahawan muda Bumiputera dari seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Di mesyuarat MEB pada bulan April dan Julai 2014 yang lalu, saya telah mengumumkan senarai 28 pemenang bagi SUPERB Siri Pertama dan Kedua yang mana geran sebanyak RM14 juta telah diperuntukan kepada mereka. Saya juga turut berbangga kerana hasil dari program SUPERB ini, ada di antara beberapa idea perniagaan peserta SUPERB telah berjaya direalisasikan dan ada juga yang telah mendapat perhatian beberapa tokoh perniagaan sebagai potensi pelaburan ataupun kerjasama komersil.

7. Hari ini, kita akan mengumumkan seramai 26 orang lagi pemenang SUPERB bagi Siri Ketiga dan Siri Keempat untuk tahun 2014. Tahniah saya ucapkan kepada pemenang yang bakal menerima geran SUPERB berjumlah sehingga RM500,000.00 ini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik    Walhidayah    Wassalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*